

Tegur mahkamah ertinya campur tangan — PM

BANDAR PUSAT JENGA 28 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pemimpin politik terpaksa mendiamkan diri apabila melihat kelemahan kerana tidak mahu dituduh sebagai sengaja campur tangan.

Perdana Menteri berkata, banyak perkara berkaitan kelemahan institusi itu yang diketahui oleh orang politik tetapi tidak ditegur seperti kelewatan penghakiman sesuatu kes.

“Kalau orang politik termasuk saya buat teguran, orang tuduh kita mahu campur tangan urusan kehakiman. Oleh sebab itu kita senyap, kita terpaksa diam seribu bahasa.

“Tetapi kita tahu ada hakim yang tidak mahu langsung menjatuhkan hukuman berat... penghakiman yang tertangguh bertahun-tahun,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Hari Desa Wawasan anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar di stadium mini dekat sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai langkah Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM) yang ingin mengadakan kajian mengenai ketidaktentuan hukuman dalam bidang kehakiman.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak mengulas lanjut mengenai cadangan kajian itu sambil berkata “ini memang suatu kenyataan.”

Sementara itu, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai BN berkata, parti itu belum membuat sebarang pendirian.

“Kita tidak boleh beri apa-apa maklum balas. Ada orang kata dia (PBS) berminat tetapi dia belum menyatakan hasratnya kepada kita,” tambahnya.

Ditanya mengenai pengesahan Datuk Dr. Jeffrey Kitingan menjadi orang tengah dalam perkara itu, beliau menjelaskan, Dr. Jeffrey bukan anggota PBS dan jika benar seharusnya cadangan tersebut daripada parti berkenaan.

“Dr. Jeffrey bebas cakap dengan PBS, kita tak halang dia. Jika PBS ingin sertai BN, kita ada syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi.

“Tak bolehlah lompat masuk, lompat keluar, kemudian lompat masuk semula. Dalam UMNO pun ada yang kaki panjang (suka melompat)... tak bolehlah macam tu,” tambahnya.